

## Status OKU bukan penghalang

Hann Hsen, Afiq Durrani buktikan mampu cemerlang biarpun cacat fizikal

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM - "Terima kasih takterhingga buat ibu, khususnya ayah yang paling banyak berkorban bagi memastikan saya berjaya pada hari ini," kata pelajar orang kurang upaya (OKU) dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seafield, Tan Hann Hsen yang memperoleh keputusan cemerlang SPM 2016, 9A+ dan 1A.

Hann Hsen yang menghidap 'spinal muscular atrophy' ketika ditemui semalam berkata, kejayaan itu tidak dapat dinilai dengan pergiorangannya kedua ibu bapanya yang tidak pernah putus asa dalam menjaga dan memastikan kesihatan serta pelajarannya berada di tahap paling baik.

Katanya, bapanya yang dulunya bekerja sebagai perunding binaan sangat ber{sara awal dalam kerjaya bagi menumpukan sepenuh perhatian untuk menjaganya, sekali gus meringankan se-

dikit beban ibu yang banyak menguruskannya di rumah termasuk sekolah.

"Walaupun tak dapat gred cemerlang tertinggi (A+) dalam semua subjek, saya tetap gembira kerana keputusan hari ini diperoleh hasil dorongan dan galakan daripada keluarga, guru termasuk rakan yang tidak jemu-jemu membantuu saya."

Tambah lagi, masa saya banyak dihabiskan dengan membuat fisioterapi dan saya juga takambil tuisyen. Saya banyak belajar sendiri secara konsisten, selain belajar secara berkumpulan bersama kawan-kawan," katanya yang terpaksa menggunakan kerusi roda sejak berusia tujuh tahun selepas tidak boleh berjalan seperti sediakala.

Mengulas lanjut berhubung perancangannya selepas ini, Hann Hsen berkata, dia masih belum membuat sebarang keputusan untuk menyambung pelajaran di mana kerana mahu menghabiskan pengajian A Level



Hann Hsen (berkerusi roda) dan Afiq Durrani (tiga, kiri) bersama rakan-rakan lain yang turut memperoleh keputusan cemerlang dalam SPM 2016.

di Kolej Sunway terlebih dahulu.

"Saya belum fikir lagi sama ada nak sambung belajar dalam negara atau di luar negara. Fokus saya untuk tamatkan A Level yang saya daftar sejak Januari lalu, sebelumbuat keputusan terbaik kerana keadaan saya berbeza dengan orang lain," katanya.

Sementara itu, seorang

lagi pelajar OKU yang mempunyai masalah pengillhatan mati, Afiq Durrani Azli yang memperoleh semua A dalam subjek diambilinya berkongsi rahsia kejayaan yang banyak didorong oleh kata-kata semangat daripadanya.

Menurut pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah (Kisas) Klang itu, kata-kata ibunya yang sering ber-

pesan supaya dia tidak menjadi kekurangannya sebagai penghalang untuk berjaya membuatnya bertekad dari awal untuk belajar bersungguh-sungguh.

"Ummi kata, duti saya pernah koma dan hampir tak ada harapan untuk pulih, tapi akhirnya ALLAH beri peluang untuk terus hidup walaupun kesannya saya kini tak dapat

melihat lagi.

"Saya pegang kata-kata itu, selain selalu masuk ke kelas dan duduk di bahagian depan supaya saya dapat dengar dan faham dengan jelas semua yang diajar oleh guru. Alhamdulillah, walaupun sebelum ini banyak halangan sewaktu SPM, akhirnya keputusan saya peroleh cukup membanggakan," katanya.